



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
ARAS 23 7 24  
No.51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-80008000  
Fax : 03-88913197  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my/jpspn\_2013

Ruj. Kami : KPKT/JPSPN/900/1/8/6(77)

Tarikh : 21 Oktober 2013

**MAKLUM BALAS OLEH KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN  
DAN KERJAAAN TEMPATAN**

**PERKARA: LAPORAN MEDIA TERHADAP KRITIKAN NEGATIF OLEH KUMPULAN ANTI  
INSINERATOR BERKENAAN CADANGAN KERAJAAN MEMBINA LOJI RAWATAN  
TERMAL (INSINERATOR) DI TAMAN BERINGIN KUALA LUMPUR**

-----

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara merujuk kepada laporan-laporan media kebelakangan ini berkaitan isu-isu negatif yang ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan anti insinerator berkaitan cadangan Kerajaan untuk membina Loji Rawatan Termal (Insiniretor) di Taman Beringin, Kuala Lumpur. Kerajaan untuk sekian kalinya, ingin menekankan bahawa cadangan pembinaan tersebut merupakan salah satu pendekatan Kerajaan bagi mengurus sisa pepejal di negara ini.

Kenyataan-kenyataan negatif yang ditimbulkan terutamanya mengenai masalah kesihatan yang bakal dihadapi oleh penduduk berhampiran akibat operasi kemudahan ini adalah tidak tepat sama sekali. Sebagai makluman, kemudahan yang bakal dibina oleh Kerajaan ini adalah berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan peralatan kawalan pencemaran yang secukupnya dan canggih seperti unit kawalan pencemaran udara (APC) yang akan memerangkap dan merawat gas-gas yang dilepaskan. Malah Kerajaan juga memberi jaminan penggunaan sistem berteknologi tinggi dapat menangani isu-isu pelepasan furan dan dioksin yang telah pun dibuktikan penggunaannya di beberapa negara seperti di Jepun, Taiwan, Jerman dan Austria. Tender antarabangsa yang bakal di buat menunjukkan bahawa Kerajaan amat serius untuk mendapat teknologi terkini yang mesra alam, terbukti dan kos efektif. Penggunaan teknologi yang terkini ini dinegara-negara seperti yang dinyatakan diatas telah menyebabkan tiada lagi keperluan zon penamparan malah ianya dibina berhampiran hospital, sekolah, dan pusat komuniti.

Malah Agensi pengawal dan penguatkuasa di Malaysia yang berkaitan iaitu Jabatan Alam Sekitar juga telah menetapkan insinerator yang bakal dibina ini perlu mematuhi syarat yang ditetapkan mereka umpamanya kadar pelepasan dioksin dan furan pada 0.1 ng TEQ/Nm<sup>3</sup>. Standard tersebut adalah setara dengan standard yang ditetapkan oleh negara-negara maju lain.

Kerajaan juga ingin menekankan bahawa sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu dan disampaikan kepada orang awam adalah kebanyakannya diterbitkan pada sekitar tahun 1990an dan lebih awal dimana pada masa tersebut tahap teknologi kawalan pencemaran insinerator secara relatifnya masih rendah sedangkan kebanyakan kajian pada sekitar tahun 2000 dan kebelakangan ini menunjukkan impak loji rawatan termal atau insinerator ini terhadap alam sekitar dan kesihatan awam tidak menjadi satu isu lagi kerana teknologi terkini yang akan digunakan.

Kerajaan juga mengambil pendekatan seperti negara-negara maju yang telah membina dan menggunakan insinerator sebagai satu kaedah pelupusan sisa pepejal mereka iaitu melibatkan orang awam sebelum dan semasa proses pembinaan malah selepas proses pembinaan siap. Satu program penglibatan orang awam (*Public Engagement*) seperti Dialog Awam dengan penduduk berhampiran lokasi, sesi lawatan ke kemudahan yang serupa dengannya yang telah pun beroperasi oleh wakil penduduk, sesi bertemu orang awam ditempat-tempat terpilih telah mula dilaksanakan oleh Jabatan pengurusan Sisa Pepejal Negara secara berperingkat. Walau bagaimanapun siri-siri awal yang diadakan sebelum ini dimulakan dengan kawasan-kawasan tumpuan iaitu kawasan yang paling hampir dengan kawasan lokasi pembinaan yang dicadangkan. Sesi taklimat ini akan diteruskan secara menyeluruh bagi memastikan maklumat secara konsisten dapat disampaikan kepada masyarakat amnya dan penduduk berhampiran khususnya.

Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini bersifat holistik dan menyeluruh iaitu mengambil kira dari peringkat penghasilan sisa, penstoran, kutipan, pengangkutan, rawatan hinggalah kepada pelupusan disamping amalan 3R.

Kerajaan berharap masyarakat dapat melihat dari sudut positif dan kebaikan jangkamasa

panjang daripada pembinaannya umpamanya dapat membantu mengurangkan sisa pepejal ke tapak pelupusan hingga 85% seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada dan sekaligus mengurangkan masalah persaingan guna tanah. Bekas tapak insinerator masih boleh dimanfaatkan untuk lain-lain aktiviti ekonomi apabila tidak digunakan lagi berbeza dengan tapak pelupusan biasanya hanya boleh dijadikan taman rekreasi. Pembinaan insinerator juga hanya melibatkan ruang yang kecil berbanding tapak pelupusan. Malah insinerator yang bakal dibina nanti juga dapat menghasilkan Tenaga Boleh Baharu (*Renewable Energy*) umpamanya sumber elektrik yang mampu mengurangkan kebergantungan kita kepada penggunaan sumber asli yang semakin menyusut kini.

Seperti yang dinyatakan diatas, penggunaan insinerator sebenarnya dapat membantu menyelesaikan lebih banyak isu kesihatan awam yang kita hadapi masa kini. Selain penguraian sisa yang lebih cepat berbanding ianya dilupuskan di tapak pelupusan, kemudahan ini dapat mengurangkan penghasilan gas metana dan air larut resap yang sekaligus membantu mengurangkan pencemaran bau. Malah orang ramai perlu diberi kesedaran penggunaan insinerator turut mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang menyebabkan perubahan iklim dan mengakibatkan pemanasan global.

Selain program-program dilapangan, Jabatan Pengurusan Sisa pepejal Negara turut mengumpul pandangan orang awam terhadap pembinaan tersebut melalui laman web Jabatan. Orang ramai yang ingin memberikan pandangan dan mendapatkan maklumat berkaitan loji rawatan termal (insinerator) boleh melayari laman web [www.kpkt.gov.my/jpspn\\_2013](http://www.kpkt.gov.my/jpspn_2013).

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)